

# Main gasing bukan sekadar berseronok

Permainan gasing wajar ditransformasikan bagi mengelakkan daripada pupus

Oleh LAUPA JUNUS

**S**EJAK kita dilanda dengan pelbagai produk elektronik terutama yang menawarkan permainan video, golongan muda mungkin tidak lagi mengenali permainan tradisional seperti batu seremban, congkak, wau dan gasing yang cukup popular di kawasan luar bandar satu ketika dahulu.

Malah, mungkin ramai golongan dewasa di bandar juga kekok apabila disebut pelbagai permainan tradisional tersebut.

Selain arus teknologi yang kian menelan segala yang berunsur tradisional, terdapat banyak sebab mengapa permainan tersebut kian terabai.

Antaranya tidak ada nilai komersial, tidak glamor dan tidak menjadikan pemainnya kaya-raya.

Namun, jika dilihat daripada satu sudut, permainan tradisional tersebut memberi identiti kepada sesuatu kaum atau bangsa, dan boleh diangkat sebagai platform penyatuan dan perpaduan serta menghargai jati diri.

Sebab itu usaha mempromosikan semula wajar diperhebatkan supaya tidak ditelan zaman memandangkan permainan tradisional tersebut merupakan khazanah bangsa yang wajar dipelihara.

Gasing misalnya memang diketahui ramai sebagai permainan tradisional masyarakat Melayu dan kerap dimainkan ketika waktu lapang termasuk sebagai pertandingan.

Tetapi kini hendak melihat bentuk gasing itu sendiri semakin susah, apatah lagi mahu melihat orang bermain gasing.

Jika ada sekalipun amat jarang, mungkin hanya pada acara tertentu.

Malah, kini untuk mencari mereka yang pandai bermain gasing pun rasanya semakin sukar.

Salah seorang tokoh yang masih yang masih aktif bermain gasing selain terus berjuang bagi mengangkat permainan tradisional itu ialah Mohd. Jais Rozali yang mesra di panggil Pak Ngah.

Beliau yang berasal dari Temerloh Pahang, merupakan jurulatih Seni Budaya Rakyat dan juga jurulatih Seni



JAIS ROZALI

Budaya Negara bagi permainan gasing.

Pesara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) itu mula bermian gasing sejak di bangku persekolahan kerana minatnya terhadap permainan tersebut.

Ketika kerjayanya bersama TUDM, aktiviti permainan gasing terhenti sementara dan beliau kembali aktif bermain di peringkat negeri dan kebangsaan selepas bersara.

Pak Ngah memang terkenal di Pahang kerana telah menujuhkan Persatuan Gasing Pahang selain banyak menganjurkan bengkel dan seminar sebagai platform penggerak permainan tersebut.

“Ini cara kami mengembangkan permainan gasing dan jangan terlalu bergantung kepada kerajaan (Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan),” ujarnya.

Pak Ngah berpendapat, permainan gasing wajar ditransformasikan bagi mengelakkannya daripada pupus ditelan zaman.

Antara pendekatannya ialah mengubah bahan membuat gasing daripada kayu kepada yang lebih tahan lama.

Usaha tersebut telah dimulakan oleh sekumpulan penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Gasing selamanya dikenali sebagai alat permainan yang menggunakan kayu antaranya kemuning bebaru, rambai, merbau, tulang dan sebagainya.

Tali gasing pula pula diperbuat daripada kulit pokok dan kini bertukar kepada nilon.

Gasing juga kini diperbuat daripada plastik atas pelbagai sebab iaitu tahan lebih lama, dan mengelakkannya berterusan kepada pokok.

Beliau berharap permainan gasing dapat diterima lebih jauh di peringkat antarabangsa di semua negara.

**6** Pak Ngah berpendapat, permainan gasing wajar ditransformasikan bagi mengelakkannya daripada pupus ditelan zaman



PEMAIN gasing menunjukkan cara-cara yang betul bermain permainan tradisional itu.





MOHD. Jais Rozali menerima Anugerah Inovator Akar Umbi Kebangsaan bagi kategori terbuka kerana kejayaan dalam inovasi Gasing pada Forum Inovasi Sedunia (WIF-Kuala Lumpur) 2012, daripada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili di Kuala Lumpur baru-baru ini.



MEMANGKAH gasing memerlukan kemahiran tinggi.



GASING diperbuat daripada kayu mudah pecah.

### Info

- Tali khas dikat pada bahagian bahu
- Pangkal tali diikat pada tangan pemain
- Panjang tali 12 kaki
- Berat gasing tidak lebih 800 gram.
- Gasing terbahagi kepada dua jenis:
  - Gasing uri- biasanya di Kelantan
    - Digunakan untuk pertandingan tempoh lama berpusing.
    - Bentuk leper dan mengandungi timah
  - Gasing pangkah- Selangor, Terengganu , Pahang dan gasing Malaysia
- Bahagian gasing
  - Kepala
  - Badan
  - Bahu
  - Kaki (ada paksi)
- Kelebihan gasing plastik
  - Lebih kuat berbanding gasing kayu
  - Tidak mudah pecah dan mudah dibawa ke mana-mana kerana ringan
  - Selamat digunakan terutama oleh remaja dan kanak-kanak kerana gasing kayu mudah pecah
  - Kos gasing plastik lebih murah



KEPINTARAN pemain dapat membuat gasing berpusing lama di atas ibu jari.



REMAJA perlu dilatih lebih awal supaya meminati permainan gasing.

## Permainan gasing ke sekolah

PERMAINAN gasing kini mula diterapkan dalam kalangan pelajar sekolah menerusi pembabitan Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Penerangan, Kebudayaan dan Komunikasi.

Menurut Jais Rozali, pengenalan gasing sebagai salah satu aktiviti kokurikulum dapat membantu mendedahkan permainan tradisional tersebut dalam kalangan generasi muda supaya dapat menghayati dan mewarisinya turun-temurun.

"Saya sendiri bermain gasing di peringkat sekolah rendah, satu keadaan biasa di kampung-kampung terutama selepas musim menuai padi."

"Pendekatan yang dilakukan ialah pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) diperkenalkan kepada kami sebagai penggiat permainan gasing," katanya.

Pada 2005, satu konvensyen berkenaan gasing diadakan yang mana keputusan telah dicapai untuk menjadikannya sebagai permainan melibatkan kedua-dua kementerian berdasarkan peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Program permainan gasing yang mula diadakan pada tahun berikutnya melibatkan peranan dan tanggungjawab kementerian masing-masing iaitu penyediaan pelajar dan jurulatih serta peralatan permainan.

Beliau berkata, Kementerian Penerangan, Komunikasi Kebudayaan serta Kementerian Belia dan Sukan menjadi penaja utama program tersebut dan melibatkan pelbagai peringkat yang dinamakan Program Bimbingan Seni dan Budaya (PBSBN).

Bagaimanapun penganjur berdepan cabaran untuk menyediakan sejumlah gasing memandangkan antara 2,000 dan

3,000 gasing diperlukan, manakala jurulatih gasing pula kira-kira 150 orang.

Mengenai masalah jurulatih, Jais berkata, mereka perlu melalui satu kursus untuk mendapatkan sijil tauliah bagi melatih guru.

Katanya, masalah ketidakcukupan peralatan menjadi punca program tersebut sedikit terjejas.

Sebagai contoh di Pahang, sebanyak 720 pelajar telah terlibat sepanjang 2006 hingga 2012 dan daripada 12 jurulatih yang ada di negeri itu, hanya empat atau lima orang sahaja yang bertugas ekoran masalah tersebut.

Mengenai masalah bekalan gasing, satu kaedah telah ditemui untuk menyelesaikan isu tersebut iaitu menghasilkan gasing daripada plastik.

Jais yang aktif dalam Kelab Gasing Sanggang berkata, secara umumnya terdapat dua cara gasing dimainkan iaitu gasing pangkah dan gasing pusing yang mana kemenangan di tentukan dengan jumlah pungutan mata atau masa atau tempoh lama berpusing.

Permainan kadangkala melibatkan individu, beregu atau berempat bagi satu kumpulan, manakala tiga ahli sedang dicadangkan.

Secara mudahnya cara bermain gasing yang diperaktikkan dalam pertandingan kini ialah satu kumpulan akan memusingkan gasing dan kumpulan lawan akan memangkahnya.

Sekiranya gasing tersebut berjaya dipangkah oleh pasukan lawan, satu mata akan diberikan.

Sebaliknya jika pasukan memangkah tersasar dan tidak berjaya, mata akan diberikan kepada kumpulan yang memusingkan gasing dalam medan permainan itu.